

Wanita cedera diragut depan mata suami

GOMBAK - Seorang wanita nyaris maut apabila beg tangannya hampir diragut di depan sebuah stesen minyak 100 meter dari Hospital Selayang di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu, mangsa, V Angelia Davi, 50, ketika itu membonceng motosikal yang ditunggang suaminya dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di Selayang setelah selesai bekerja.

Menurut suaminya, R Subramaniam, 56, ketika melalui stesen minyak itu dia mahu mengisi angin tayar motosikal, namun tidak menyangka apabila hampir di stesen minyak berkenaan sebuah motosikal yang ditunggang dua suspek menghampiri mereka lalu menarik beg tangan yang dipegang isterinya.

Katanya, disebabkan terkejut dalam masa yang sama isterinya melawan dan sedaya upaya cuba menyelamatkan beg tangan itu dari diragut menyebabkan isterinya



● Keadaan Angelia yang diragut di mana ia adalah insiden kali kedua menimpanya.

**jatuh
diseret**

terjatuh dari motosikal dan diseret beberapa meter.

"Ketika itu berlaku kejadian tarik menarik beg dan kerana mahu menyelamatkan beg tangan, isteri saya terjatuh dan diseret di atas jalan serta tercedera.

"Saya bernasib baik ketika itu tidak ada kenderaan lain yang melalui jalan itu jika tidak sudah pasti isteri saya dilanggar kenderaan

lain," katanya.

Akibat kejadian itu ibu kepada tiga orang anak terabait mengalami kecederaan teruk di bahagian muka dan terpaksa menerima lebih lima jahitan di bahagian atas mulut.

Menurut Subramaniam, lebih menyedihkan lagi kejadian itu berlaku di hadapan matanya dan sukar melupakan ke-seksaan serta kesakitan yang terpaksa dialami isterinya itu.

Katanya, itu bukan kejadian ragut yang pertama berlaku kepada isterinya di mana ia merupakan kejadian kedua menyebabkan isteri mengalami

trauma walaupun peragut gagal meragut beg tangannya.

"Saya sedih melihat keadaan isteri dan tidak menyangka kejadian yang berlaku terlalu pantas menyebabkan isteri nyaris maut dan saya hampir 'kehilangannya," katanya.

Mangsa kemudiannya dihantar menerima rawatan di Hospital Selayang dan laporan polis dibuat di Balai Polis Selayang.